## Kata Berimbuhan

### Graviti di Bumi

Murid-murid sedang mempelajari topik graviti. Cikgu Shanti memberikan penjelasan tentang topik tersebut.

Menurut Cikgu Shanti, graviti ialah daya yang menarik objek ke arah pusat bumi. Daya tarikan graviti bumi menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Oleh sebab itu, objek tidak akan terapung-apung di udara.

Cikgu Shanti memainkan klip video menerusi tablet pintarnya. Tablet itu diletakkan pada telapak tangannya.

"Sila ✎ laman sesawang ini. Kamu akan dapat memahami kepentingan graviti kepada kita," kata Cikgu Shanti.

Klip video dalam laman sesawang itu memaparkan kehidupan ✎ di stesen angkasa lepas. Angkasawan di stesen itu ✎ kerana tiada graviti. Video itu jelas ✎ perbandingan antara kehidupan di stesen angkasa lepas dengan di bumi.

Bumi mempunyai graviti. ✎ graviti akan menyebabkan setiap objek berada pada kedudukannya. Manusia dan haiwan dapat ✎ di atas permukaan bumi dan tidak ✎. Daun-daun akan gugur lalu ✎ di atas tanah. Dengan adanya graviti, manusia dapat menjalani ✎ di bumi dengan mudahnya.

**Nota Guru**
5.2.1(i)(ii)(iii)(iv)

- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata berimbuhan.
- Minta murid melengkapkan perenggan dengan menggunakan kata berimbuhan.

KBAT: Mengaplikasi – Menggunakan  Strategi PdP: KP – Konstruktivisme
EMK: Bahasa



LIVEWORKSHEETS